

Kabinet tarik balik putusan batal cuti Hari Wilayah

U.M. 21 JUL 1989

KUALA LUMPUR 20 Julai — Mesyuarat Kabinet semalam menarik balik keputusannya membatalkan 1 Februari — Hari Wilayah Persekutuan — sebagai cuti am.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Othman Abdul memberitahu Bernama hari ini, beliau diberitahu mengenai penetapan semula 1 Februari sebagai cuti am Wilayah Persekutuan pada mesyuarat lepas mesyuarat kabinet JPM.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu mesyuarat lepas mesyuarat kabinet itu bahawa kabinet menarik balik keputusan awalnya.

Keputusan membatalkan Hari Wilayah Persekutuan sebagai cuti am cuma diketahui umum apabila Bahagian Kabinet JPM mengeluarkan surat pekeliling bertarikh 6 Julai. Surat itu menyenaraikan jadual cuti am bagi Persekutuan dan semua negeri bagi tahun 1990.

Surat pekeliling itu ditandatangani oleh Encik Sabri Haji Said dari Bahagian Kabinet bagi pihak Ketua Setiausaha Kerajaan Tan Sri Sallehuddin Mohamad.

Dengan keputusan semalam, Wilayah Persekutuan tetap ada 15 hari yang diwartakan sebagai cuti am termasuk masing-masing dua hari bagi Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina.